

KOR AGAMA ANGKATAN TENTERA (KAGAT): PENERAPAN NILAI DAN KEBERKESANANNYA

1. PENGENALAN

1.1 Latar belakang kajian

Sejak penubuhannya pada 1 Mac 1933, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) terus berkembang dan menjadi sebuah angkatan tentera yang kredibel dan ampuh. Di dalam mengikuti arus perkembangan ini, ATM telah mengubah paradigma pengurusannya dari pengurusan moden berteraskan kepada fahaman sekularisme peninggalan British kepada sistem pegurusan yang berteraskan ajaran dan nilai-nilai Islam. Walau bagaimanapun penerapan nilai-nilai ini dilaksanakan dalam skop yang amat terbatas dan tidak secara teratur, juga tanpa pengiktirafan rasmi dari Majlis Angkatan Tentera (MAT) yang merupakan badan induk kepada ATM (A.Samad Said, 1983).

Pada peringkat awalnya, proses penerapan nilai Islam ini dilaksanakan melalui pendidikan informal yang dipelopori oleh guru-guru agama yang ditugaskan di dalam ATM pada waktu itu. Oleh kerana tidak mempunyai suatu organisasi yang khusus, dengan jumlah keanggotaan yang terhad dan keupayaan yang terbatas, guru-guru agama ini tidak berupaya untuk mengisi "keperluan rohaniah" anggota tentera secara keseluruhannya. Keadaan ini sebenarnya berpunca daripada pembantutan dan ketidakseimbangan perkembangan perkhidmatan guru-guru agama tentera berbanding dengan perkembangan ATM itu sendiri (Mohammad Rahim Awang, 1989).

Dalam usaha melaksanakan penghayatan nilai-nilai Islam dalam ATM dan perlunya pendidikan agama dalam organisasi ATM, maka pada 16 April 1985, Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) telah ditubuhkan untuk melaksanakan peranan tersebut ke arah yang lebih cemerlang berketepatan sepertimana yang dianjurkan dalam firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

“ Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah yang mungkar, merekalah orang yang beruntung”

(Ali Imran: 104)

Sejajar dengan dasar kerajaan menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara, KAGAT yang bertindak sebagai jentera utama penggerak pelaksanaan aktiviti keagamaan (Islam) dalam ATM, telah melaksanakan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam berserta dengan Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam (DPMRI) ATM yang bertujuan untuk membentuk satu generasi tentera yang beriman, bertaqwa dan berakhlak mulia (Perintah Majlis Angkatan Tentera, Bilangan 9 Tahun 1991).

Sehubungan dengan itu, kajian tentang usaha-usaha KAGAT di dalam penerapan nilai-nilai Islam perlu dibuat untuk melihat sejauh mana penghayatan dan keberkesanan perlaksanaannya di dalam ATM setelah enam tahun perlaksanaannya. Diharapkan hasil dari kajian ini nanti dapat dimanfaatkan oleh KAGAT khususnya dan ATM amnya dalam menilai dan menyusun semula strateginya supaya matlamat untuk mencapai tiga ketahanan utama dalam komponen pembangunan manusia iaitu Pembinaan Mental, Spritual dan Jasmani di dalam memenuhi tuntutan dunia dan akhirat. Kajian ini lebih menjurus dari sudut penerapan nilai dan keberkesanan pencapaian objektif Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam (PMAT 9/91), berlandaskan kepada nilai-nilai murni Islam dari sumber Al-Quran dan Hadis sebagai asas piawaian untuk mengukur anggota tentera yang terlibat.

1.2 Objektif

Kajian ini secara keseluruhannya adalah untuk menilai peranan KAGAT sebagai satu institusi di dalam sebuah institusi. Di samping itu kajian ini berhasrat untuk merumus beberapa cadangan bagi meningkatkan pencapaian

kepada objektif murni penubuhan KAGAT. Secara keseluruhannya objektif kertas kajian ini adalah seperti berikut :

- Menyenaraikan peranan dan strategi KAGAT.
- Menilai keberkesanan implimentasi.
- Menilai penerimaan strategi KAGAT oleh masyarakat tentera.
- Mencadangkan pendekatan alternatif ke atas strategi yang sedia ada.

1.3 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting oleh kerana tiada kajian terperinci dilaksanakan untuk mengukur tahap penerapan nilai dan keberkesanan KAGAT sebelum ini. Dengan itu kajian ini merupakan kajian ulung bagi Angkatan Tentera Malaysia di mana kepentingan kajian ini diberi keutamaan untuk memperkemaskan lagi strategi KAGAT. Secara khususnya kajian ini akan memberi manfaat seperti berikut :

1.3.1 Menyusun Piawai Sebagai Ukuran Keberkesanan

Ini adalah kerana sejak Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam (DPMRI) dilaksanakan oleh KAGAT masih terdapat kekeliruan dan ketidakfahaman pasukan dan unit untuk melaksanakan dasar ini dan terdapat juga yang tidak peka kepada dasar yang telah dikeluarkan (Burhanuddin Abdul Jalal,1996). Hasil dari kajian ini diharapkan satu piawai dapat dirumus, disusun dan dibentangkan untuk dijadikan ukuran keberkesanan KAGAT di dalam melaksanakan dasar (DPMRI) yang telah digariskan di dalam ATM. Dengan adanya piawai ini nanti, ianya dapat dimanfaatkan oleh KAGAT di dalam memperkemaskan lagi strategi dan rancangan tindakannya supaya lebih efisien dan efektif.

1.3.2 Menyediakan Manual Fungsi KAGAT yang Lebih Khusus

Walaupun **KAGAT** mempunyai senarai peranan dan aktiviti, namun kemungkinan peranan dan aktiviti ini tidak dapat memenuhi segala "kehendak dan keperluan" yang dapat membentuk masyarakat tentera yang komitmen, kuat dan tidak mudah dikalahkan dengan izin Allah. Beberapa kelemahan mungkin akan dapat dilihat dengan lebih jelas apabila analisa kepada laporan responden dibuat. Justru itu, untuk membaiki dan mengemaskinikan kelemahan - kelemahan ini, satu senarai peranan dan aktiviti **KAGAT** yang lebih khusus akan dibuat sebagai satu manual. Mudah-mudahan kajian ini akan dapat menilai keberkesanan impak **KAGAT** dalam usaha penerapannya kepada masyarakat tentera.

1.4 Definisi Tajuk

Kajian ini adalah berkisar kepada definisi-definisi terminologi yang digunakan serta berhubung kait dengan tajuk kajian iaitu "**KAGAT: Penerapan Nilai dan Keberkesanannya**".

1.4.1 KAGAT

KAGAT adalah singkatan kepada Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia, ditubuhkan pada 16 April 1985 dan merupakan kor yang ke-16 daripada 17 kor yang terdapat di dalam Tentera Darat Malaysia. Tujuan penubuhan **KAGAT** adalah sebagai sebuah agensi atau jentera yang berkepentingan untuk memberi pendidikan agama dan menyebarkan syiar Islam kepada setiap warga ATM yang beragama Islam dan keluarga mereka yang perlu diberikan bimbingan rohaniah dan jasmaniah. **KAGAT** juga berkepentingan menjayakan pembangunan anggota yang unggul berasaskan ajaran Islam dalam semua peringkat pentadbiran Angkatan Tentera serta membantu dalam melahirkan anggota-anggota tentera yang berdisiplin, amanah, terlatih dan beriman kepada Allah S.W.T. Bagi melaksanakan peranan penubuhannya ke arah yang lebih cemerlang,

Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam telah diwartakan dalam ATM melalui Perintah Majlis Angkatan Tentera Bilangan 9 Tahun 1991 (PMAT 9/91). Sehubungan dengan itu, kajian ini hanya menjurus kepada usaha-usaha penerapan nilai-nilai Islam dan keberkesanan strategi KAGAT dalam melaksanakan dasar yang telah digariskan di dalam ATM. Penerapan nilai-nilai Islam ke atas anggota-anggota tentera dari agensi-agensi lain samada dari dalaman atau luaran ATM tidak akan dibincangkan dalam kajian ini.

1.4.2 Penerapan Nilai

Penerapan nilai adalah sifat ketinggian pemikiran, agama dan kemasyarakatan (Kamus Dewan 1993). Nilai-nilai yang dimaksudkan adalah nilai-nilai Islam yang merangkumi akhlak yang baik atau budi pekerti yang mulia himpunan dari sifat-sifat yang baik dan terpuji ada pada diri seseorang. Ia menjadi asas perhubungan manusia dan menjamin keselamatan, keamanan dan kebahagiaan hidup keluarga dan masyarakat (KAGAT, 1995).

Dalam konteks nilai kecemerlangan pentadbiran awam yang digariskan oleh Institut Tedbiran Awam Negara Malaysia (INTAN) dalam Dasar dan Amalan Dalam Islam ,Dasar Penerapan Nilai- Nilai Islam dalam Pentadbiran Awam adalah bertujuan seperti berikut :

"Nilai- nilai Islam yang hendak diterapkan ialah nilai - nilai yang akan berjaya mendirikan sebuah kerajaan yang berkesan dari segi keamanan, keselamatan dan pembangunan yang mampu menyaingi pemerintah - pemerintah lain. Pemerintah yang betul - betul menerap nilai -nilai Islam tetap akan berjaya. Tetapi jikalau tafsiran berkenaan nilai- nilai Islam adalah sempit atau gagal, maka yang salah bukan agama Islam tetapi mereka yang membuat tafsiran yang salah" (Dr Mahathir,1991).

Dalam konteks kajian ini, nilai-nilai yang perlu diterapkan dan dihayati oleh setiap anggota tentera ialah nilai-nilai murni Islam yang berupaya menyediakan anggota tentera yang berdisiplin, amanah, terlatih dan beriman kepada Allah S.W.T. Sifat-sifat terpuji seperti ikhlas, sabar, tawakal, merendah diri, syukur, pemurah, tidak mengutamakan dunia dan sebagainya perlu diwarisi oleh setiap anggota supaya mereka tidak akan menjadi manusia sombong dan lupa diri dengan kelebihan yang dimiliki.

Walaupun mempunyai sifat-sifat terpuji dan murni yang dinyatakan di atas, setiap anggota tentera perlu berwaspada dan harus menghindari sifat-sifat yang tercela seperti hasad dengki, takabbur, cinta kepada dunia, banyak bercakap ,sombong, bongkak dan lain-lain dari diri masing-masing. Ini disebabkan sifat-sifat keji ini akan merosakkan diri dan iman seseorang. Keadaan ini bermakna barang siapa yang tidak berakhlak baik dan mulia maka akan berlakulah kepincangan terhadap agamanya (KAGAT, 1995).

Sehubungan dengan itu setiap anggota tentera harus berusaha sedaya upaya untuk menghiasi diri masing-masing dengan sifat-sifat mulia dan menjauhi sifat-sifat tercela agar setiap perajurit dapat menjadi contoh kepada masyarakat. Keadaan ini secara langsung akan membuktikan anggota tentera juga mampu untuk memiliki akhlak Islam dengan mempamirkan imej tentera yang disiplin yang unggul.

1.4.3 Keberkesanan

Keberkesanan membawa erti kepada impak ke atas sesuatu tindakan atau perbuatan. Di dalam konteks kajian ini, keberkesanan bermaksud sejauh manakah kesan dan impak peranan KAGAT khususnya dalam pelaksanaan progam penerapan nilai-nilai Islam (DPMRI) terhadap anggota - anggota tentera berdasarkan tiga prinsip utamanya iaitu (Sorotan Darat, 1996):

- Pengenalan/Pendedahan.
- Penguatkuasaan.
- Penghayatan.

Sehubungan dengan itu, pengukuran keberkesanan program DPMRI ATM ini akan dilihat melalui sejauh mana peningkatan penghayatan atau penerapan ini membawa kepada perubahan positif keatas anggota tentera yang merangkumi aspek-aspek berikut:

- **Pengetahuan Asas Agama Islam.** Dalam perkara ini keberkesanan diukur melalui tahap perubahan pengetahuan asas agama Islam sebelum anggota menyertai ATM berbanding dengan setelah menyertai ATM. Tahap pengetahuan ini berkisar di dalam menyatakan Bab Air, Bab Najis, Mandi Hadas, Wuduk/Tayamum, Azan, Solat dan Bab Tauhid.
- **Penyertaan Aktiviti Agama Di Pasukan.** Di dalam perkara ini, pengukuran akan dibuat melalui sejauh mana penyertaan anggota di dalam menghadiri aktiviti-aktiviti keagamaan di pasukan berdasarkan arahan yang dikeluarkan melalui PMAT 9/91.
- **Penghayatan/Penerapan Nilai Islam.** Di dalam soal ini, anggota akan dilihat dari tanggapan terhadap nilai-nilai murni berhubung pekerjaan mereka sebagai anggota tentera. Nilai-nilai yang diberi penekanan adalah sifat amanah, bertanggungjawab, kesungguhan dalam tugas dan tahap pengawasan yang diperlukan dalam pekerjaan di samping tahap perhubungan mereka dengan rakan sejawat dan juga pihak atasan/pegawai atasan.
- **Keberkesanan Peranan Anggota KAGAT.** Di dalam perkara ini keberkesanan anggota-anggota KAGAT akan dilihat melalui tahap penglibatan di dalam melaksanakan peranan mereka sebagai "pendakwah dan tentera" dari kacamata anggota tentera yang lain.

Nilai-nilai yang dimaksudkan adalah peranan mereka sebagai guru agama/pendakwah, pembimbing/pendorong, menerapkan nilai murni/baik di pasukan, sebagai sahabat dan sebagai seorang anggota tentera (penglibatan dalam aktiviti-aktiviti ketenteraan pasukan).

1.5 Skop dan Batasan Kajian

Skop dan batasan kajian di dalam membuat kertas kajian ini merangkumi perkara-perkara seperti berikut:

1.5.1 Skop Kajian

Kajian ini ditumpukan hanya kepada anggota tentera dari pasukan-pasukan TD yang dipilih sahaja. Kawasan dan unit yang dipilih adalah Markas Gerisen Port Dickson bagi mewakili keseluruhan anggota TD. Responden yang dipilih ini terdiri daripada kalangan anggota tentera dari pelbagai peringkat dan Kor dalam TD dari seluruh Malaysia yang mana sedang menghadiri kursus di Institut Pengurusan Tentera Darat (IPDA). Dengan adanya wakil dari pasukan - pasukan di seluruh Malaysia, maka sampel yang diambil diyakini dapat mewakili keseluruhan keanggotaan di dalam TD. Kumpulan kajian hanya mengambil seramai lebih kurang 150 responden sahaja dari institusi tersebut untuk mewakili seluruh kekuatan anggota TD.

1.5.2 Batasan Kajian

Berdasarkan kepada skop dinyatakan, kumpulan kajian mendapati terdapat batasan-batasan yang tersendiri di dalam menyempumakan kajian ini. Di antara faktor-faktor yang berkemungkinan boleh menjejaskan penemuan kajian yang lebih tepat adalah:

- **Masalah Bias Responden.** Semasa kajian dijalankan adalah dijangka bahawa tidak semua responden akan memberikan kerjasama yang

sepenuhnya di dalam menjawab soalan-soalan yang dikemukakan. Kemungkinan terdapat masalah bias responden yang tidak begitu serius dan menunjukkan sikap "main-main" tidak dapat dinafikan.

- **Masalah Kemasukan Data dan Penganalisaan.** Kaedah kajian yang digunakan serta semasa proses penganalisaan dijalankan kemungkinan akan berlaku beberapa kesilapan oleh kerana kesalahan memasukkan data dan juga semasa interpretasi data dibuat. Apabila ini berlaku, maka bias terhadap keputusan kajian kemungkinan akan berlaku. Kumpulan Kajian juga menghadapi masalah untuk memproses dan menganalisa data-data yang diperolehi menggunakan perkakasan SPSS Version 6 disebabkan kesukaran untuk mendapatkan perkakasan ini dan juga kekurangan keupayaan ilmu dan kemahiran kumpulan kajian dalam penggunaan perkakasan ini.
- **Limitasi Masa Kajian.** Masa yang diperuntukkan untuk menyiapkan kajian ini hanya lebih kurang lapan minggu (2 bulan) sahaja. Tempoh ini adalah amat suntuk untuk mengkaji topik kajian secara lebih terperinci, lebih-lebih lagi skop penghayatan penerapan nilai Islam dalam TD adalah amat luas. Oleh kerana kajian akan dibuat semasa Semester Kedua pengajian, maka ianya terpaksa dibuat secara sambilan dan bukan sepenuh masa disebabkan kesibukan menyiapkan 'course work' yang perlu disiapkan.
- **Tiada Peruntukan Dana dan Bantuan Logistik.** Selain daripada itu, kajian yang akan dibuat tidak diperuntukkan bantuan kewangan (dana) dari mana-mana pihak dan dengan ketiadaan sumber kewangan ini, maka kajian tidak dapat menggunakan "field worker", dan ini bermakna keseluruhan kajian akan dibuat sendiri. Pengkaji juga mempunyai keupayaan yang terbatas di dalam mengguna serta memperolehi kemudahan komputer untuk menyiapkan kajian. Segala keperluan dari aspek pengkomputeran adalah tanggungjawab sendiri. Malah segala perbelanjaan untuk menyiapkan laporan kajian seperti pembelian

kertas menaip, penjilidan dan perbelanjaan perjalanan untuk tugas kajian adalah menggunakan wang sendiri dan "tuntutan" ke atas segala perbelanjaan tidak boleh dibuat.

- **Masalah Pengumpulan Data Primer dan Sekunder.** Kumpulan kajian juga menghadapi masalah bagi pengumpulan data primer dan sekunder kerana hari yang telah ditetapkan untuk kajian adalah pada hari Jumaat dan Sabtu. Masalah ini secara umumnya telah menjejaskan keupayaan kumpulan ini dan kelicinan perjalanan kajian disebabkan masa yang ada pada hari-hari tersebut adalah terlalu singkat.

Walaupun bagaimanapun dibebani dengan batasan-batasan dan masalah, segala usaha yang termampu telah dilaksanakan oleh kumpulan kajian bagi memastikan matlamat kajian tercapai. Segala pengorbanan yang perlu terpaksa diberikan oleh setiap anggota kumpulan khususnya dengan memberikan komitmen yang tidak berbelah bagi walaupun terpaksa mengeluarkan belanja sendiri serta mengorbankan peruntukan masa yang bersifat sosial dan peribadi masing-masing. Di antara usaha-usaha yang diambil oleh kumpulan kajian adalah:

- Mereka bentuk soalan kaji selidik yang mudah difahami oleh anggota dan dengan memberi penjelasan serta penerangan yang terperinci kepada responden yang dipilih sebelum mereka menjawab soalan. Semakan kepada soalan yang telah dilengkapkan oleh responden secara terus di tempat kajian dilaksanakan juga bagi memastikan tiada kesilapan yang berlaku.
- Kumpulan Kajian juga mengambil langkah berhati-hati di dalam proses kemasukan data dengan mengadakan penyemakan bertindih di kalangan anggota kumpulan dan juga dengan pengawasan dan penyemakan dari penyelia. Kumpulan juga telah meminta bantuan rakan sejawat dan beberapa pegawai lain yang mahir dalam menggunakan perkakasan SPSS